

DE 10

U B219 AAB  
MAHATHIR - UGUT R'R'R'

KULIM, 14 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYIFATKAN CADANGAN SEORANG ANGGOTA KONGRES AMERIKA SYARIKAT AGAR NEGARA ITU MENARIK BALIK TARAF GSP MALAYSIA SELAGI NEGARA INI TIDAK MENGHENTIKAN DASAR MENGUSIR PELARIAN VIETNAM SEBAGAI SATU UGUTAN YANG TIDAK BOLEH DITERIMA OLEH NEGARA INI.

+INI NEGARA KITA, KITA BERHAK MENENTUKAN SIAPA YANG BOLEH MASUK DAN SIAPA YANG TIDAK BOLEH MASUK NEGARA INI,+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA DI SEKOLAH MENENGAH LABU BESAR DI SINI PETANG INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA DIMINTA UNTUK MENGULAS MENGENAI PERKARA ITU YANG MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA CADANGAN YANG TERKANDUNG DALAM RANG UNDANG-UNDANG YANG AKAN DIKEMUKAKAN OLEH Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan Republican, Duncan Hunter kepada Kongres Negara Itu.

PERDANA MENTERI BERKATA, MALAYSIA TIDAK AKAN MENGUSIR PELARIAN VIETNAM SEKIRANYA AMERIKA SYARIKAT MEMBERI JAMINAN AKAN MENGAMBIL PARA PELARIAN ITU.

+KALAU MEREKA BERI JAMINAN BAHAWA TIAP-TIAP PELARIAN VIETNAM CUMA SINGGAH DI NEGARA INI DALAM PERJALANAN KE AMERIKA SYARIKAT, KITA SANGGUP TERIMA... SATU JUTAPUN KITA SANGGUP TERIMA,+ TAMBAHANYA. -- LAGI.

2151MST 14 07 90

D816

U B220 AAB  
MAHATHIR - UGUT 2 KULIM R'R'R'

BELIAU BERKATA, MALANGNYA AMERIKA SYARIKAT CUMA SANGGUP MENGAMBIL BEBERAPA ORANG SAHAJA DARIPADA PELARIAN VIETNAM YANG SINGGAH DI NEGARA INI DAN ADA BEBERAPA NEGARA MAJU YANG LAIN LANGSUNG TIDAK SANGGUP UNTUK MENGAMBIL MEREKA.

+MEREKA (AMERIKA SYRIKAT) SENDIRI PERNAH NAK TOLAK MASUK KE DALAM LAUT ORANG PELARIAN DARI TAHITI... DAN PENDATANG DARI MEXICO.

+APA YANG MEREKA MARAH KEPADA KITA? KITA TAK PERNAH TEGUR MEREKA... (KERANA PERBUATAN ITU)+, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, CADANGAN UNTUK MENARIK BALIK TARAF GSP MALAYSIA BERHUBUNG DENGAN ISU PELARIAN ITU BUKANNYA CADANGAN KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT TETAPI CADANGAN ANGGOTA SENAT DEWAN KONGRES MEREKA.

BELIAU BERKATA, SEKIRANYA DISEBABKAN DASAR MALAYSIA UNTUK MENGUSIR PELARIAN VIETNAM ITU DIJADIKAN ALASAN UNTUK MENARIK GSP NEGARA INI, IA MERUPAKAN SATU PERKARA YANG TIDAK ADIL KERANA KESANNYA AKAN MENGAKIBATKAN 130,000 PEKERJA NEGARA INI MENDERITA. -- LAGI.

2153MST 14 07 90

D817

U B221 AAB  
MAHATHIR - UGUT 3 KULIM R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENJELASKAN BAHAWA BELIAU ADA MENERIMA SURAT DARIPADA PRESIDEN GEORGE BUSH YANG MENGGESA MALAYSIA SUPAYA TIDAK MENGUSIR PELARIAN VIETNAM DAN BELIAU TELAH MENJAWAB SURAT BERKENAAN.

DALAM JAWAPANNYA ITU BELIAU MENYATAKAN KEPADA PRESIDEN BUSH BAHAWA MALAYSIA BUKAN SAHAJA TERPAKSA MENANGUNG BEBAN PELARIAN VIETNAM TETAPI JUGA BEBAN AKIBAT KEMASUKAN 700,000 PENDATANG DARI FILIPINA DAN INDONESIA.

+MASALAH PELARIAN VIETNAM BERPUNCA DARIPADA PENGUNDURAN TENTERA AMERIKA SYARIKAT DARI NEGARA TERSEBUT, SEBAB ITU MEREKA PERLU BERHANGGUNGJAWAB+, KATANYA.

+SEKIRANYA MEREKA MENGAMBIL PENDATANG VIETNAM IA MERUPAKAN BILANGAN KECIL DARIPADA RAKYAT NEGARA BERKENAAN SEKIRANYA MEREKA SANGGUP MENGAMBIL PELARIAN ITU DAN MENEMPATKANNYA DI GUAM YANG MERUPAKAN WILAYAH MEREKA+, TAMBAHNYA.

SEBELUM ITU DALAM PERJUMPAAN DENGAN KIRA-KIRA 8,000 RAKYAT DI PADANG SEKOLAH KEBANGSAAN MALAU DI DAERAH BALING, BELIAU BERKATA, TIADA PARTI LAIN YANG MAMPU MEMBENTUK KERAJAAN YANG KUAT SELAIN DARIPADA BARISAN NASIONAL.-- LAGI.  
2155MST 14 07 90

D818

U B222 AAB  
MAHATHIR - UGUT 4 KULIM R'R'R'

BELIAU BERKATA, PARTI-PARTI PEMBANGKANG YANG MENYEDARI BAHAWA MEREKA TIDAK DAPAT MEMBENTUK KERAJAAN SECARA BERSENDIRIAN TERPAKSA MEMBENTUK +BARISAN TIRUAN.+

KATANYA, PAS JUGA TELAH MENYELEWENG BANYAK DARIPADA DASAR-DASARNYA YANG ASAL MANAKALA KEKUATAN DAP PULA BERGANTUNG KEPADA PUAH-PUAH EKSTRIMIS DI KALANGAN KAUM CINA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, PARTI SEMANGAT '46 PULA TERPAKSA Mencari sokongan di kalangan bekas-bekas wakil rakyat dan orang-rang yang tidak mendapat tempat dalam UMNO.

TERDAHULU DARIPADA ITU KETIBAAN PERDANA MENTERI DAN ISTERI DISAMBUT OLEH SEKUMPULAN 1,000 ANGGOTA YANG MENUNGGANG MOTOSIKAL SERTA PALUAN KOMPANG DAN IRINGAN BUNGA MANGGAR.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF DAN ISTERI, DATIN SERI HAJAH AZIZAH ABDUL HAMID DAN MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMED RAHMAT YANG JUGA SETIAUSAHA AGUNG UMNO.

PADA MAJLIS ITU JUGA PERDANA MENTERI MENERIMA BORANG PENYERTAAN UMNO BAGI 30 ORANG BEKAS ANGGOTA PAS RANTING KAMPUNG TOK SIN MUKIM BAKAI, MALAU DARIPADA WAKIL MEREKA, ENCIK MOHAMAD ZAKI MOHAMAD SAMAN. -- BERNAMA.

2158MST 14 07 90